

Selamat Ulang Tahun ke-20 – Process Safety Beacon

November 2021



November 2001



November 2021



November 2011

Rajah 1: Process Safety Beacon sepanjang 20 tahun

Dua puluh tahun yang lalu, sekumpulan wakil syarikat ahli CCPS bertemu dan memutuskan bahawa suatu alat keselamatan proses baharu diperlukan. Alat itu dimaksudkan untuk pekerja barisan hadapan – terutamanya kakitangan operasi dan penyelenggaraan. Hasilnya ialah CCPS Process Safety Beacon. Dari edisi pertama pada November 2001 dalam bentuk dokumen teks, jawatankuasa telah menerbitkannya setiap bulan dan ia kini dihantar melalui e-mel kepada lebih 30,000 pelanggan. Jumlah pembaca telah meningkat daripada beberapa ratus kepada anggaran 1 juta.

Beacon bertujuan untuk menyediakan mesej keselamatan proses untuk pekerja barisan hadapan yang boleh dikongsi, disiarkan pada papan buletin, digunakan semasa toolbox dan untuk *safety moments* untuk mengingatkan orang ramai tentang topik keselamatan proses.

Sepanjang sejarah 20 tahunnya, lebih 200 Beacon telah diterbitkan; anda boleh mengaksesnya melalui Arkib Process Safety Beacon di

<https://www.aiche.org/ccps/resources/process-safety-beacon/archives>

Adakah Anda Tahu?

- Process Safety Beacon ialah penerbitan AIChE yang paling banyak dibaca. Dianggarkan 1 juta orang membaca Beacon di seluruh dunia.
- Beacon ditulis setiap bulan oleh jawatankuasa yang menyemak bahan dengan teliti untuk memastikan ia tepat dan berguna kepada pembaca. Jawatankuasa ini layak menerima ucapan terima kasih atas usaha mereka sepanjang 20 tahun ini.
- Beacon kini tersedia dalam 40 bahasa, terima kasih kepada penterjemah-penterjemah yang berdedikasi meluangkan masa untuk membuat terjemahan yang tepat.
- Beacon adalah percuma kepada semua; untuk melanggan, ikuti pautan ini
https://aiche.informz.net/AICHE/pages/Beacon_Subscribe_Page
- Menyalin dan berkongsi Beacon bukan sahaja dibenarkan, ia adalah digalakkan.
- Walaupun huraian insiden dalam Beacon memfokuskan pada beberapa punca yang menyumbang, selalunya terdapat banyak isu lain yang menyumbang kepada insiden tersebut.

What Can You Do?

- Bincangkan Beacon dengan pasukan anda dan lihat idea penting yang boleh digunakan untuk operasi anda.
- Baca Beacon dan tanya diri anda beberapa soalan seperti:
 - Mungkinkah kejadian seperti ini berlaku di kawasan saya?
 - Apakah sistem keselamatan yang kita ada untuk mengelakkan kejadian sedemikian?
 - Adakah perlindungan diselenggara dengan baik?
- Teruskan membaca dan berkongsi Beacon.
- Jika anda mempunyai idea untuk topik Beacon sila hantarkannya ke: ccps_beacon@aiche.org

The Beacon – berkongsi pengajaran keselamatan proses selama 20 tahun!